

06 SEP 2002

IAP-Anggota/I

MSC PIMPIN MALAYSIA DALAM EKONOMI BERASASKAN PENGETAHUAN

CYBERJAYA, 6 Sept (Bernama) -- Anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) serta wakil yang hadir pada mesyuarat tiga hari di sini menyuarakan keyakinan mereka bahawa MSC akan memimpin dan membantu negara ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dan memainkan peranan penting dalam menghasilkan teknologi baru.

Menurut rakan usaha sama Sierra Ventures Dr Gilbert Amelio, inisiatif MSC memainkan peranan penting dalam meletakkan Malaysia ke dalam ekonomi berasaskan pengetahuan dan membantu bersaing dengan ekonomi lain dunia.

"Kejayaan ini lebih penting dengan kebangkitan China. Ekonomi berasaskan pengetahuan ...MSC memimpin jalan," katanya pada sidang media IAP yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Cyberview Lodge di sini.

Amelio berkata Malaysia juga mempunyai semua infrastruktur untuk menjadikan MSC berjaya dan mencapai status ekonomi berasaskan pengetahuan -- dasar ekonomi yang kukuh, kestabilan politik dan hubungan yang baik dengan masyarakat antarabangsa.

"Saya bangga menjadi sebahagian daripadanya (IAP) dan akan terus berada dalamnya," katanya.

MSC meliputi kawasan seluas 750km persegi dari KLCC ke Lapangan terbang Antarabangsa KL (KLIA) yang direka bentuk sebagai pusat pembangunan produk multimedia dan perkhidmatan.

Seorang lagi anggota IAP Bob Bishop, ketua pegawai eksekutif Silicon Graphics Inc, berkata banyak peluang tersedia untuk syarikat-syarikat MSC untuk menghasilkan teknologi baru dan produk untuk jaminan dalaman berikutan serangan 11 Sept.

Ini termasuk air, elektrik, penyiaran dan sistem pengangkutan.

"Banyak peluang menggunakan teknologi ditawarkan kepada kerajaan dan sektor swasta. Peluang terbesar MSC untuk bergerak ke hadapan," katanya.

Beliau berkata ekoran serangan itu, setiap negara memerlukan teknologi untuk melindungi keselamatan dan infrastruktur dalam negara.

Prof William Miller dari Stanford University, Amerika Syarikat berkata teknologi baru terus meningkat dan MSC menyediakan banyak peluang untuk mengubah teknologi kepada perniagaan.

Menurutnya menerusi teknologi baru, lebih banyak syarikat ditubuhkan.

Datuk Dr Tadahiro Sekimoto, pengerusi emeritus NEC Corporation berkata melalui penubuhan MSC, beliau yakin Malaysia akan menjadi negara maju terutama dalam bidang ICT kira-kira 10 tahun akan datang.

Menurutnya kerajaan tidak sahaja memberi tumpuan kepada pembangunan teknologi baru, malah kepada pembangunan sumber manusia dan pendidikan.

"MSC telah menunjukkan kejayaan. Saya kagum dan menghargainya," katanya.

-- BERNAMA

RV RZS LAT